

03/01/1999

Kurangkan 'politicking' dalam politik

KE MANA pun kita pergi dalam Malaysia, orang bercakap hal politik. Dari dalam kapal terbang MAS hinggalah ke dalam bas Ekspres Nasional, dari hotel lima bintang di Kuala Lumpur ke kedai kopi di Pasir Mas dan warung di Johor Bahru orang bercakap pasal politik.

Dalam banyak negara di dunia yang Kiau pernah menjelajah, di Malaysialah rasanya politik begitu sehati dengan kehidupan rakyat. Diplomat asing yang dihantar bertugas di Malaysia pun kata begitu. Mereka takjub dengan minat orang Malaysia terhadap politik.

Hari ini banyak cakap politik tertumpu kepada Perdana Menteri. Ada yang mahu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad letak jawatan. Ada yang mahu beliau terus pegang jawatan. Ada yang gesa beliau segera lantik Timbalan Perdana Menteri. Ada yang kata kosongkan jawatan itu untuk sementara waktu. Dan ada yang bertanya perlukah jawatan itu.

Tapi Dr Mahathir terus kata dia seboleh-bolehnya tidak mahu lantik TPM baru hinggalah pemilihan Umno pertengahan tahun ini.

Itu politiklah namanya. Tapi tahukah kita apa asal usulnya politik itu? Dan apakah kesannya kalau kita terlalu banyak 'politicking'.

Istilah politik yang kita gunakan dalam Bahasa Malaysia adalah terjemahan terus politic daripada Bahasa Inggeris.

Bahasa Inggeris pula meminjamnya daripada istilah Perancis politique yang dipinjamnya pula daripada istilah Latin dan Greek politikos.

Dulu, sebelum istilah politik diterima dan digunakan dengan meluas, orang Melayu menggunakan perkataan siasah daripada Bahasa Arab. Sekarang istilah siasah boleh kata tidak digunakan lagi.

Dari segi bahasa, politik ditakrifkan oleh Kamus Dewan sebagai ilmu (pengetahuan) berkenaan cara pemerintahan, ilmu siasah, ilmu kenegaraan.

Kamus Oxford pula mentakrifkan politik sebagai tindakan yang bijaksana, berhati dan menepati kehendak. Di sudut penggunaan pula, politik ditakrifkan sebagai kaedah atau cara pentadbiran.

Ada yang menganggap politik sebagai satu cabang sains dan ada pula yang menyifatkannya sebagai satu bentuk seni.

Sama ada sains atau seni, politik diterima sebagai kaedah terbaik untuk memerintah dan mentadbir berbanding kaedah lain seperti peperangan, paksaan atau penindasan.

Konsep politik moden yang terawal dikemukakan oleh ahli falsafah Greek, Plato, melalui tulisannya Republic dan kemudiannya oleh muridnya, Aristotle.

Tetapi kaedah yang baik itu pun boleh menjadi buruk kalau tidak diamalkan dengan betul atau disalahertikan.

Politik menjadi buruk dan merugikan apabila ia dijadikan matlamat perjuangan dan bukan landasan untuk mencapai sesuatu yang tinggi dan baik.

Dalam suasana yang sihat, orang menggunakan politik sebagai landasan untuk mencapai sesuatu yang baik seperti kesejahteraan dan keselamatan umum.

Tetapi apabila politik dijadikan matlamat dan digunakan pula dengan cara yang merugikan, maka ia bukan lagi politik yang sebenarnya tetapi sudah bertukar menjadi satu permainan.

Inilah yang disebut politicking atau bermain politik. Ciri ini semakin ketara dalam politik negara kita, sama ada di peringkat parti atau pemerintahan.

Kalau kita hendak selamat dan mahu terus menggunakan politik sebagai

kaedah pemerintahan dan pentadbiran yang menguntungkan, kita kenalah tahu membezakan antara politik dan politicking - antara yang baik dan yang buruk.

(END)